

Ucapan, ADHO  
415  
34/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia  
di-Temasha Kejohanan Olahraga Ke-5,  
Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra Kedah.  
Pada 30.3.1971 Pukul 4.00 Petang.

Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Sultan dan  
Yang Teramat Mulia Tunku Isteri.

Patek mempersembahkan ucapan terima kasih kepada Yang Maha Mulia Tuanku berdua yang telah berangkat menyerikan Temasha Kejohanan Olahraga pada petang ini. Keberangkatan Tuanku berdua ada-lah juga menjadi sa-besar2 galakan dan perangsang kepada patek2 sakalian. Patek memohonkan keizinan Tuanku untok beruchap sepatah dua kepada hadzirin sekalian. Ampun Tuanku.

Yang Berbahagia Dato' Pengerusi dan Ahli2 Jumaah Lembaga Pengelola Sekolah, Tuan2 dan Puan2, para hadzirin dan Murid2 sakalian.

Saya mengucapkan berbanyak2 terima kasih kerana dapat hadir bersama2 menyaksikan Temasha Kejohanan Olahraga, Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jitra pada petang ini dan disamping itu di-beri pula kesempatan beruchap sa-patah dua kepada tuan2 dan puan2 sidang hadzirin sakalian. Sebagai Menteri Pelajaran, ini ia-lah lawatan resmi saya yang pertama ka-Kedah dan dengan sebab itu upachara pada petang ini sangat-lah besar erti-nya kepada saya, lebeh2 lagi dalam Majlis ini saya dapat bertemu muka dan beramah mesra dengan tuan2 dan puan2 sakalian.

Kementerian Pelajaran ada-lah memberi perhatian yang berat terhadap kegiatan2 sukan di-kalangan murid2 sekolah. Pertama kerana di-sekolah2-lah boleh di-dapati bakat2 sukan yang bermutu yang boleh di-pupok dan di-pimpin menjadi ahli2 sukan yang terkemuka. Kedua, kerana faedah2 yang boleh di-perolehi oleh semua pihak melalui pergerakan dan kegiatan2 sukan. Dengan sebab itu sejak beberapa tahun yang lalu, Kementerian Pelajaran telah mengambil alih mengendalikan semua kegiatan2 sukan di-sekolah2 dengan menubuhkan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia, yang di-dalam-nya bergabung semua Majlis2 Sukan Negeri. Alhamdulillah, perjalanan Majlis2 Sukan Negeri dan Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia ada-lah lebeh dari memuaskan dan tuan2 dan puan2 di-Kedah tentu mengetahui dan jua biasa menyaksikan kegiatan2 yang di-jalankan oleh kedua2 Majlis tersebut. Saya suka mengambil

kesempatan di-sini menyampaikan tahniah kepada Majlis Sukan Sekolah2 Negeri Kedah yang telah menjalankan peranan-nya dalam negeri ini dengan baik dan memuaskan.

Sa-lain dari kegiatan2 yang di-jalankan oleh Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Malaysia, tiap2 sekolah maseh boleh menjalankan kegiatan2 sukan bagi murid2 di-sekolah-nya sendiri. Usaha2 saperti yang di-jalankan oleh Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim yang mengadakan Kejohanan Olahraga pada petang ini ada-lah usaha yang baik yang boleh memberikan sa-besar2 faedah kepada murid2 dan kepada kemajuan sukan dalam negeri ini. Saya suka memberikan sa-tinggi2 tahniah kepada Jumaah Lembaga Pengelola Sekolah ini, kepada Guru Besar, Guru2 dan sa-terus-nya kepada semua pihak yang mengambil bahagian untuk menjayakan kejohanan ini.


Sekolah ini ada-lah salah sa-buah dari sekolah2 Menengah Kebangsaan yang terbesar dalam negara kita. Kementerian Pelajaran telah memberikan segala kemudahan2 yang menchukupi untuk kehendak dan keperluan kemajuan sekolah ini, termasuk-lah keperluan2 sukan dan Olahraga. Saya berharap kemajuan2 yang menjadi matlamat kita itu akan dapat di-chapai oleh murid2 sekolah ini dengan sa-penoh2-nya. Peluang murid2 melanjutkan pelajaran tinggi amat-lah banyak dan terserah-lah kepada murid2 sendiri untuk mengisi ketiga2 buah universiti di-negeri ini. Dalam dua tiga tahun lagi sa-buah Fakulti Perubatan akan di-tubuhkan di-Universiti Kebangsaan. Dengan daya usaha Kementerian Kesihatan dan kerjasama Universiti Malaya, Fakulti Pergigian sudah di-tubuhkan di-Universiti Malaya. Dekan Fakulti itu ia-lah Dr. Ibrahim bin Yassin. Penuntut2 yang mengikuti Kursus Pergigian ini akan mula belajar dalam tahun 1972. Ini ia-lah kemajuan yang akan kita chapai dalam perkembangan pelajaran anak2 kita. Untuk melengkapkan lagi pengajian tinggi Perubatan, maka saya akan berunding dengan pihak2 lain, supaya mengadakan sa-buah Fakulti Pharmacy sama ada di-Universiti Pulau Pinang atau Universiti Malaya.

Saya suka mengambil peluang dalam Majlis ini, menyeru kepada semua pihak yang ada berkaitan dengan pelajaran, ia-itu murid2, guru2 dan ibu2 bapa supaya bersama2 berusaha dan berkerjasama untuk kepentingan dan kemajuan pelajaran murid2, kerana saya perchaya bahwa tanpa usaha dan kerjasama dari pihak2 yang berkaitan itu kemajuan pelajaran murid2 akan terhalang.

Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Sultan dan  
Yang Teramat Mulia Tunku Isteri,

Sa-belum patek mengakhiri ucapan patek di-Majlis  
patek sekali lagi mempersembahkan ucapan terima kaseh kepada  
Tuanku berdua dan sekarang patek pohonkan keizinan Tuanku  
bertitah dan sa-lepas itu pula di-pohonkan Yang Teramat Mulia  
Tunku Isteri menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam  
Kejohanan ini.

Ampun Tuanku.





No Siri .....	15
No. Penerimaan .....	15/80